

BULETIN INFOLIB PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PREMIER SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH




LAWATAN PASUKAN AUDIT APACC KE UNIT PERPUSTAKAAN

21 FEB 2014 (Jumaat) yang lalu telah berlangsung satu audit pensijilan iaitu Suruhanjaya Pensijilan dan Akreditasi Asia Pasifik (APACC) di PSA. Tujuan audit ini dilaksanakan adalah untuk menilai dan memenuhi akreditasi sesebuah institut pendidikan di negara ini. Unit perpustakaan juga terlibat secara langsung di dalam memenuhi penilaian ini .



LAWATAN PENANDARASAN KE UTHM, JOHOR

Bagi memantapkan kualiti perkhidmatan di unit perpustakaan PSA , pada 12 Mei yang lalu unit ini telah mengadakan satu lawatan penandarasan ke Universiti Tun Hussien (UTHM) di Johor. Lawatan seperti ini sangat bermanfaat dan berguna dalam penambahbaikan kualiti servis di perpustakaan, selain dapat menimba ilmu dan memperoleh idea dalam usaha ke arah proses transformasi perpustakaan PSA.



JANUARI — JUN
BIL.. 26 / 2014

Isi Kandungan :

Kata Alu-aluan	2
Berita Staf	3
Senari Aktiviti	4
Sinopsis Buku Baru	5
Makluman Am	6-7
Statistik	8-9
Galeri Aktiviti	10-16
Senarai Buku Baru	17-19
Info menarik dari majalah yang dilanggan	20-21
Penutup	22

ISSN 2180-3943



9 772180 394002



KATA ALUAN PUSTAKAWAN



Assalamualaikum w.b.r.




**SITI FATIMAH
BT WAHAB
PUSTAKAWAN KANAN**

Terlebih dahulu, sidang redaksi Buletin Infolib ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan di atas kerjasama semua pihak yang telah terlibat secara lansung atau tidak dalam penerbitan Buletin Infolib ini. Pada keluaran kali ini telah dimuatkan separuh tahun pertama 2014 di mana pelbagai aktiviti dan program yang telah dijayakan.

Dikesempatan ini, saya mewakili warga unit perpustakaan PSA mengharapkan kepada semua pembaca Buletin Infolib agar segala paparan info dan aktiviti yang terdapat di dalam Buletin Infolib ini dapat memberi manfaat yang berguna juga menjadi rujukan para pembaca umumnya. Dengan kedatangan Ramadan dan Syawal yang akan menjelma tidak lama lagi, saya mengambil kesempatan mengucapkan Selamat berpuasa kepada seluruh pembaca yang beragama Islam. Senti-asa beringat dan beserdehana dalam setiap perkara yang dilakukan. Diharapkan kita semua dapat memperkuuhkan lagi tekad dan keazaman dan melipat gandakan usaha agar dapat mengukir kejayaan yang lebih besar dan memberangsangkan pada tahun 2014 ini.



CARTA ORGANISASI PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PREMIER SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH



BERITA STAF**SELAMAT DATANG “ZARA SOFIYA”**

Tahniah diucapkan kepada salah seorang Pembantu perpustakaan PSA iaitu Pn. Norzuliana di atas kelahiran bayi perempuan beliau. Ini merupakan anak kedua dan telah dilahirkan secara normal di hospital pakar Metro, Sg Petani Kedah pada 2 Februari 2013 yang lalu. Kami di unit perpustakaan mendoakan semoga ibu dan anak dalam keadaan sihat sejahtera.

**PERTUKARAN STAF DALAMAN PEMBANTU OPERASI
UNIT PERPUSTAKAAN**

Pada 17.3.2014 satu pertukaran dalaman antara Pembantu Am Pejabat telah dibuat. En. Nur Izwan Berahim yang telah berkhidmat di perpustakaan selama hampir 7 tahun telah berpindah ke Bahagian Pentadbiran. Sedikit Beliau telah berkhidmat di Unit Perpustakaan dari 2007 sehingga Mac 2014. Merupakan satu-satunya staf lelaki tunggal di unit ini. Berasal dari Jeram, Selangor. Harapan kami warga perpustakaan semoga En. Nur Izwan akan lebih berjaya di unit yang baru.

**SELAMAT BERTUGAS DAN MAJU JAYA BUAT
EN.FAIZAL BIN MOHAMMAD**

Unit perpustakaan telah kehilangan salah seorang staf yang baru sahaja ditukarkan ke sini. Beliau merupakan pengganti kepada En. Nur Izwan. Memulakan perkhidmatan di PSA dari tahun 2010 sehingga 17.3.2014 di JKE dan di Unit Perpustakaan. Walau bagaimanapun beliau hanya sempat bertugas selama 2 minggu sebelum sekali lagi ditukarkan ke Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya pada 1.4.2014. Sehingga kini masih belum ada pengganti bagi kekosongan jawatan tersebut. Ucapan kami kepada beliau selamat maju jaya di tempat baru.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2014**UNIT PERPUSTAKAAN**

Sekalung tahniah buat Pn Norzuliana Bt Dellnoor mewakili unit perpustakaan PSA yang telah mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2013 yang telah diadakan pada 24 Mei 2014 di dewan Politeknik Tunanku Sultanah Bahiyah Balik Pulau baru-baru ini. Semoga anugerah yang diperolehi menjadi pembakar semangat kepada beliau dan staf yang lain untuk lebih cemerlang pada masa akan datang.





SENARAI AKTIVITI PERPUSTAKAAN JANUARI – JUN 2014

TARIKH	AKTIVITI
3 JANUARI 2014	KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI RUANG PERPUSTAKAAN.
22 JANUARI 2014	LAWATAN KERJA BERKAITAN SISTEM PERPUSTAKAAN (ILMU) DARI STAF PSAS.
20-21 FEBRUARI 2014	AUDIT APACC DI UNIT PERPUSTAKAAN.
27 FEBRUARI 2014	MESYUARAT BIL 1/2014 UNIT PERPUSTAKAAN.
31 MAC 2014	JAMUAN MERAIKAN STAF BAGI PEMBANTU OPERASI UNIT PERPUSTAKAAN
07 APRIL 2014	KAJIAN SELIDIKOLEH PELAJAR PENGURUSAN MAKLUMAT, UITM.
23 APRIL 2014	MESYUARAT PROJEK PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN DIGITAL & PROGRAM LITERASI MAKLUMAT BIL 1/2014
29 APRIL 2014	LAWATAN KE PAMERAN BUKU ANTARABANGSA DI PWTC
08 MEI 2014	LAWATAN PENANDARASAN UNIT PERPUSTAKAAN KE UTHM JOHOR DARUL TAKZIM.
28 MEI 2014	MESYUARAT PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN DIGITAL
30 MEI 2014	LAWATAN PENANDARASAN 5S DARI PERPUSTAKAAN POLITEKNIK SEBERANG PRAI, PULAU PINANG
2 JUN 2014	LAPOR DIRI PELAJAR LATIHAN INDUSTRI DARI UNISEL, AHMAD ZULFADHLI BIN ZAINUDDIN DIPLOMA SAINS PERPUSTAKAAN.
3 JUN 2014	MESYUARAT AKTIVITI PERPUSTAKAAN BIL 1/2014
23-25 JUN 2014	TAKLIMAT OPAC KEPADA PELAJAR BARU SEMESTER JUN 2014
24 –25 JUN 2014	PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK AUDIT NEGARA, PERUNTUKAN MENAIKTARAF POLITEKNIK PREMIER







SINOPSIS BUKU BARU

SENI MATEMATIK ISLAM

ISBN : 9789671039106



Dengan adanya buku ini, ia mampu mengubah persepsi pelajar-pelajar yang merasakan Matematik itu susah dan menakutkan. Idea dan kaedah yang ditonjolkan oleh ADI Putra dilihat sebagai perspektif baru yang mempunyai hubungkait antara Matematik dan Sains kerana menggunakan formula yang berkaitan dengan alam semesta.



SIRAH RASULULLAH


Kitab ini ialah karya karangan al-Ustaz Sofiy al-Rahman al-Mubarafuri dari Universiti al-Salafiah, India. Ianya merupakan di Antara kitab-kitab yang unik dan tersendiri dihasilkan melalui pendekatan secara kronologi sejarah dengan keistimewaan dan programnya yang jelas dan kesyumulannya yang padu di dalam pendedahan perjalanan sirah nan mulia. Semerbak dengan cara yang mendalam, bebas dari kepalsuan dan khurafat-khurafat. Ianya juga istimewa lantaran merupakan sebuah tulisan sejarah kenabian Muhammad s.a.w. yang mampu membantu setiap pelajar atau pengkaji sejarah untuk mencapai tujuannya. Kitab ini telah memenangi hadiah pertama di dalam "Sayembara Buku Sirah Nabawiyah" yang dianjurkan oleh Rabitat al-Alam al-Islami.

PERAKAUNAN PERNIAGAAN : PENDEKATAN MUDAH




Buku ini disediakan bagi memberi manfaat kepada para pembaca yang ingin mengetahui asas perakaunan dan catatan perakaunan dengan cara yang mudah dan senang difahami. Buku ini menerangkan secara umum tentang definisi perakaunan, cabang perakaunan, kitaran dan dokumen perakaunan. Ini disusuli dengan kupasan konsep asas perakaunan yang memfokuskan persamaan perakaunan, catatan bergu dan analisis urus niaga.


Proses catatan perakaunan yang meliputi penyediaan jurnal, lejar, imbalan duga dan penyata kewangan turut dibincangkan. Seterusnya, buku ini memperincikan tentang penyediaan penyata pendapatan yang meliputi pendapatan, perbelanjaan, akruan, untung dan rugi. Penyediaan lembaran imbalan yang menjurus kepada kepentingan, elemen dan pelaporan kewangan perniagaan serta penyediaan dan pentafsiran penyata aliran tunai turut dibincangkan. Aspek lain yang turut dibincangkan ialah analisis penyata kewangan, belanjawan sebagai alat perancangan serta sistem perisian perakaunan.



ISBN : 9789835201677



ISBN : 9789835208065




ISBN : 9789835208515



ISBN : 9789675415272



SUMBANGAN BUKU OLEH KELUARGA ALLAYARHAM ARIF BIN ABDUL RAHMAN PADA 29.4.2014 UNTUK KOLEKSI PERPUSTAKAAN



PSA telah kehilangan seorang pelajar iaitu Allahyarham Arif Bin Abdul Rahman akibat kemalangan jalanraya. Beliau berasal dari Paka, Terengganu.

Tarikh kemalangan : 1 Oktober 2012 pukul 9.57 pagi

Tempat kemalangan : Jalan Haji Abdul Manan, Klang

Tarikh kematian : 1 Oktober 2013 pukul 1.28 petang.

Tempat kematian ; KPJ Shah Alam.

Disebabkan kemalangan ini, arwah mengalami kecederaan kepala yang teruk terdiri daripada keretakan otak dan pendarahan. Kaki kiri arwah juga patah dan sehingga arwah meninggal dunia, arwah hanya terbaring di katil. Segala keperluan diri seperti makan, minum dan membuang air besar dan kecil diuruskan oleh ibunya. Arwah juga tidak bleh bercakap. Beliau telah koma selama setahun akibat kemalangan tersebut. Sehubungan itu keluarga Allayarham telah memberi sumbangan buku bernilai RM 5000 kepada perpustakaan PSA. Judul buku-buku tersebut boleh didapati di mukasurat 15—17. Semoga pemberian ini dapat memberi manfaat kepada seluruh warga PSA dan roh Allahyarham di tempatkan di kalangan orang yang beriman.

Apabila mendengar berita kematian

Cara yang betul dan sebaik-baiknya apabila apabila mendengar berita kematian seseorang ialah:

1. Menyebut lafaz Istirja' iaitu ﴿إِنَّا لِهُ رَاجِعُون﴾
2. Terus mendoakan dengan doa secara lafaz atau menulisnya. Antara doa ringkas ini (اللهم اغفر له وارحمه واعفه واعف عنہ) atau apa-apa doa dalam bahasa yang lain yang difahami.

Sumber : Dr Zaharuddin Abdul Rahman

**MAKLUMAN AM
PERPUSTAKAAN PSA****MAKLUMAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN****Koleksi Pilih Simpan**

Menempatkan buku-buku yang telah lama tidak dipinjam oleh pelanggan perpustakaan dan buku-buku yang mempunyai salinan yang banyak. Buku ini ditempatkan di rak di Bilik Kenanga. Buku-buku ini masih lagi boleh dipinjam.

Koleksi Red Spot

Merupakan koleksi rujukan utama pensyarah. Buku ini hanya boleh dirujuk di perpustakaan.

PINJAMAN ANTARA PERPUSTAKAAN

Pensyarah atau pelajar yang ingin meminjam bahan yang berada di perpustakaan lain diminta mengisi borang permohonan pinjaman antara perpustakaan(PAP). Borang boleh didapati di perpustakaan.

BORANG PENGGUNAAN PERPUSTAKAAN

Pensyarah menggunakan bilik-bilik yang terdapat di perpustakaan boleh mendapatkan borang tersebut di *polpsanas01*.

KANDUNGAN PERPUSTAKAAN DIGITAL

Pihak perpustakaan sedang membangunkan kandungan perpustakaan digital yang mengandungi bahan-bahan berikut:

Koleksi Kertas peperiksaan

Koleksi Laporan Projek Tahun Akhir Pelajar

Koleksi Kertas Kerja Pensyarah

Koleksi Berkaitan PSA



STATISTIK PERPUSTAKAAN

10 PEMINJAM TERBANYAK (STAF)


BIL	NAMA	NO Matrik	JABATAN
1	Zanatul Shima Aminuddin	760411105440	UKD
2	Wan Chik Nurida Ismail	620317085004	JPG
3	Lee Yong Yong	830724145698	JPAM
4	Kartini Sumiyati Mohd Sal-leh	711113015964	JMSK
5	Nurul Akhmar Binti Kama-ruddin	770101066502	ULPL
6	Wan Rosemehah Wan Omar	740506036080	JKE
7	Sarini Talib	750505065786	JKA
8	Aishah Abdul Razak	730328115026	JPAM
9	Zarina Mat Sapri	780513145062	JKA
10	Masalinda Mansor	750701016092	JKA

10 PEMINJAM TERBANYAK (PELAJAR)


BIL	NAMA	NO Matrik	JABATAN
1	Shareni A/P Velayutham	08DJK13F2004	JKE
2	Juwairah Sharif	08DPII2F2060	JPG
3	Mohamad Ridzuan Shak Ibrahim	08GFM13F3010	JKE
4	Abdul Rahman Azmi	08HFM13F3006	JKE
5	Muhammad Ameen Muesfik Aminuddin	08GFM13F3011	JKE
6	Muhammad Safwan Nazeron	08DKA12F2001	JKA
7	Nadia Suhada Razaid	08DIN12F2011	JPG
8	Nor Hidayah Ramli	08HFM13F3007	JKE
9	Siti Fatimah Mohamad	08DIN12F2014	JPG
10	Gangga Devi A/P Ayao	08DEU13F2020	JKE

10 JUDUL BUKU YANG PALING BANYAK DI PINJAM

Control No.	Title	Circulation Hits
0000003366	Prinsip dan penggunaan system digit / Ronald J. Tocci; penterjemah Saiful Akmal Khalid, Puspa Inayat Khalid, Azilah Saparon	617
0000002229	Pengenalan analisis struktur / Zulkifli Md. Salleh, Saiful Anuar A. Rahim	590
0000002152	Pengenalan pemmbinaan jalan raya berbitumen / Mohamed Rehan KKArif, Meor Othman Hamzah, Asri Hassan	504
0000003715	Pengenalan kepada bahan kejuruteraan / Vernon John; penterjemah Ani Idris, Jasmi Hashim	489
0000003672	Asas mekanik tanah / Meor Othman Hamzah dan Mahyuddin Ramli	411
0000008971	Fisiologi manusia / A. Raman, Ruby Husain M. Afandi Muhamad	358
0000010744	Panduan peraturan I.E.E. / Haji Yahya Bin Emat	354
0000009512	Pengajian kejuruteraan awam. Tingkatan 5	323
0000005163	Sistem kewangan dan perbankan di Malaysia / Johnson Pang	320
0000001758	Sistem kewangan Islam di Malaysia : teori, amalan dan prospek / Nor Mohamed Yakcop	316



PERKHIDMATAN	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	jun
PEMINJAMAN	265	113	120	71	96	
PEMULANGAN	201	101	110	37	33	
INTERNET	151	60	138	11	100	
AVA					0	
MENAIP DAN MENCETAK	23	0	2	7	0	
BILIK TERATAI	3	2	4	6	5	
BILIK PERBINCANGAN	152	110	224	96	22	
BILIK KAREL	2	1	5	1	0	





GALERI AKTIVITI JAN—JUN 2014

Lawatan kerja dari staf unit perpustakaan Politeknik Sultan Azlan Shah Perak membincangkan hal berkaitan Sistem perpustakaan (ILMU). Ini kerana PSAS baru memperoleh system tersebut pada tahun 2013 berbanding PSA pada hujung tahun 2011.



Staf Perpustakaan PSAS

KERJA PEMBERSIHAN RUANG LEGAR PERPUSTAKAAN PADA 3 JAN 2014




PAMERAN BAHARU DI RUANG PERPUSTAKAAN





AUDIT APACC UNIT PERPUSTAKAAN

Sekitar sesi pengauditan APACC sedang berlangsung di Unit Perpustakaan. Penilaian dilakukan terhadap keseluruhan aspek perpustakaan. Semua staf telah terlibat dalam sesi audit ini.



Tuan Pengarah dan para auditor APACC sedang meneliti carta sambil diberi penerangan oleh TPSA.

Para auditor APACC sedang memberi penilaian sambil diperhati oleh Timbalan Pengarah (Akademik).



JAMUAN PERPISAHAN UNTUK EN NUR IZWAN BERAHIM &
EN FAIZAL BIN MOHAMMAD PADA 31 MAC 2014

KAJIAN PERPUSTAKAAN OLEH PELAJAR UiTM PUNCAK PERDANA JURUSAN PENGURUSAN MAKLUMAT PADA 7 APR 2014





LAWATAN PENANDARASAN KE UTHM PADA 12 MEI 2014



**LAWATAN KERJA DARI PERPUSTAKAAN POLITEKNIK
SEBERANG PRAI PADA 28 MEI 2014**





PELUPUSAN BUKU

Pertambahan buku setiap tahun telah menyebabkan kesesakan di rak perpustakaan. Sehubungan koleksi yang tidak lagi digunakan telah dipindahkan dari perpustakaan seperti koleksi Jabatan Penyenggaraan Pesawat dan Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti. Sehingga hari ini sebanyak 328 buah buku telah dihantar ke Politeknik Banting dan 157 buah ke PSIS pada 2010. Sebanyak 99 buah buku lagi akan dihantar ke PSIS. Ini kerana program tersebut telah berpindah ke Politeknik Sultan Idris Shah.



KURSUS LUAR YANG DIHADIRI OLEH STAF

BIL	STAF	KURSUS	TARIKH/ TEMPAT
1	NORLINA AHMAD	BENGKEL PERISIAN MICROSOFT OFFICE (EXCEL)	4-5 MAC 2014/PNM
2	ASYURA AMINORDIN	BENGKEL PERISIAN WINISIS TEMPLATE CUTe	5-7 FEB 2014/PNM
3	ASYURA AMINORDIN & NURUL FARHAAH DALAIIL	KONVENTSYEN WANITA ISLAM 2014	26 APR 2014/MMU
4	ASYURA AMINORDIN	BENGKEL ASAS PEMPAKEJAN MAKLUMAT	14-15 MEI 2014/PNM
5	NURUL FARHAAH DALAIIL	SEMINAR KEPIMPINAN DAN KEBERKESANAN ORGANISASI	15 MEI 2014/KPM
6	ASYURA AMINORDIN & NURUL FARHAAH DALAIIL	SEMINAR HAK-HAK WANITA SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS BERKAHWIN	20 MEI 2014/JKSM
7	SITI FATIMAH WAHAB & NORHAYATI MAJID	BENGKEL RESOURCE, DESCRIPTION AND ACCESS	21-23 MEI 2014/AKEPT
8	NURUL FARHAAH DALAIIL	BENGKEL MAJIKAN YANG ADIL, PEKERJA BER-RAMAH	29 MEI 2014/IKIM


TAKLIMAT OPAC KEPADA PELAJAR BARU SESI JUN 2014

KEHADIRAN PELAJAR KE TAKLIMAT OPAC PADA 23-25 JUN 2014

Sejumlah 446 dari 1044 pelajar telah hadir ke taklimat OPAC yang telah diadakan pada minggu pertama kuliah. Antara yang ditekankan di dalam taklimat ini ialah kaedah mencari buku rujukan menggunakan OPAC. Taklimat ini juga memberi pendedahan tentang PNM Digital yang merangkumi pangkalan data seperti EBSCOHost dan sumber digital Malaysiana. Prosedur pinjaman antara perpustakaan (ILL) dan peraturan penggunaan tempahan bilik di perpustakaan juga turut didedahkan dalam taklimat ini.

Pada masa akan datang pihak perpustakaan berusaha mengadakan **Kursus Kemahiran Maklumat** kepada pelajar semester 5 pula. Tujuan kursus ini ialah untuk membantu pelajar mencari maklumat dan menyediakan laporan projek tahun akhir seperti melalui kemahiran membina bibliografi.



**TAKLIMAT OPAC SESI JUN 2014****JADUAL OPAC BESERTA KEHADIRAN PELAJAR
KE SESI TAKLIMAT OPAC**

TARIKH	MASA	PROGRAM
23 JUN 2014 ISNIN	9.00 pg – 10.00 pg	Dip. Kejuruteraan Awam
	10.00 pg – 11.00 ptg	Dip. Kejuruteraan Awam
	2.00 ptg – 3.00 ptg	Dip. Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan
	3.00 ptg – 4.00 ptg	Dip. Teknologi Berasaskan Kayu / Diploma Kejuruteraan Elektronik Kawalan- dan Diploma Kejuruteraan Elektronik Perubatan [63 orang]
24 JUN 2014 SELASA	9.00 pg – 10.00 pg	Diploma Kejuruteraan Elektronik Kawalan(Komunikasi) [65 orang]
	10.00 pg – 11.00 ptg	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Perubatan) [30 orang]
	2.00 ptg – 3.00 ptg	Diploma Kejuruteraan Mekanikal [43 orang]
	3.00 ptg – 4.00 ptg	Diploma Kejuruteraan Mekanikal [52 orang]
25 JUN 2014 RABU	9.00 pg – 10.00 pg	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembungkusan) [11 orang] / Diploma Pemasaran [37 orang]
	10.00 pg – 11.00 ptg	Diploma Pengajian Perniagaan [92 orang]
	11.00 tgh – 12.00tgh	Diploma Insurans [29 orang] / Diploma Perniagaan Antarabangsa [24 orang]

**SENARAI BUKU BARU 2014**

BIL	JUDUL	ISBN	BIL	JUDUL	ISBN
1	Edisi khas: kompilasi majalah Al_ustaz 5 dlm 1 : Isu No.1 – 5	9772232139001	24	Kalau ya, katakana ya!	9789833494835
2	Edisi Khas kompilasi majalah Al-Ustaz 5 dlm 1 : Isu No.6-10	9772232139001	25	Pujuklah hati	9789830974958
3	Aku muslim	9789673881031	26	Manisnya cinta si anak muda	9789678604338
4	Edisi istimewa 40 hadis peristiwa akhir zaman	9789830974019	27	Ke arah Haji yang mabruk	9789673881055
5	Pesan hati ke hati	9789673881598	28	Perang Uhud	9789833892891
6	Semuanya soal hati	9789673881321	29	Mudahkan jangan susahkan	9789830973487
7	Magnet diri (edisi kemaskini)	9789674111229	30	Harta dunia saham akhirat	9789678604284
8	Solat yang sempurna	9789671253502	31	Jangan derhaka	9789673881567
9	Pimpin aku ke syurga	9789678604291	32	Bahagia & membahagiakan	9789671036570
10	Tempat kerja saya ladang pahala saya : ke arah pekerja berkualiti & produktif	9555727100027	33	Bersamamu di Firdaus	9789830974620
11	Beduk diketuk	9789673880362	34	Anekdotmadinah : Benar DIA maha mendengar	9789830974040
12	Imam Maliki : pengarang kebenaran	9789833892792	35	Bersyukur saat di uji	9789830973517
13	Tuhan sedang menguji kita	9789678603980	36	Rumah kecil di Jabal Uhud	9789830974613
14	Revolusi	9789830974583	37	Natrah (1937-2009) : Nadra@Huberdina Maria Her-togh@Bertha	9789835207297
15	Menerobos sempadan diri	9789833494217	38	Langit Ilahi	9789830973890
16	Petua untuk sentiasa ceria	9789834244835	39	Mukmin professional : celik mata hati	9789675102967
17	Petua pelajar cemerlang	9789834244811	40	Mudahnya bahagia : ke arah bahagia membahagiakan	9555727100010
18	100 pesanan terakhir Rasulullah	9789678603782	41	101 Petua murah rezeki & jauhi hutang	9789833494293
19	Kewangan harian kita halal @ haram	9789678604277	42	Rahsia aurat sempurna	9789678604192
20	Cukup hanya Allah	9789678604444	43	Kalau berpacaran	9789678604260
21	Kita tenggelam dalam nafsu	9789678603867	44	Tip menjadi pelajar IPT cemerlang	9789833494903
22	Terjah bisnes MLM	9772232139001	45	Why we want to be rich	9789673691739
23	Motivasi pelajar super : serlahkan kuasa sebenar anda!	9789675102110	46	Why “A” student work for “C” student	9789673692569



BIL	JUDUL	ISBN	BIL	JUDUL	ISBN
47	Edisi kedua lukisan kejuruteraan berbantu computer	9789835204036	70	How to use calculator Casio FX-570MS in numerical methods	9789832963363
48	Rekacipta & Inovasi	9789835203855	71	Perakaunan perniagaan : pendekatan mudah	9789670474557
49	Memori terindah Kampong Tok Batin	9789675102868	72	Kerja paip : pembekalan air sejuk, saliran dan pembersihan	9789835201677
50	Pengurusan fasiliti	9789835204128	73	Lukisan kejuruteraan	9789670468303
51	Bahan Binaan Asas Kayu	9789675415258	74	Elektronik perhubungan	9789835208515
52	Anda bertanya Ustaz menjawab mengenai Solat	9789673660353	75	Electrical engineering principles	9789834418229
53	Imam Hanafi : pendebat kebenaran	9789833892778	76	Kuasai PHP & MySolAsa : langkah demi langkah	9789832963578
54	Imam Syafie : pejuang kebenaran	9789833892518	77	Pengurusan kejuruteraan	9789832963738
55	Anda bertanya Ustaz Azhar Idrus	9789673661640	78	Kaedah analisis interpretasi data	9789670474199
56	Soft skills: the what the why the how	9789679426312	79	Numerical methods with excel	9789670468280
57	Budaya Inovasi : prasyarat model baru ekonomi	9789835207440	80	Autocad for engineers	9789835208065
58	Kematian dan pengurusan jenazah	9789835204357	81	Multivariable & vector calculus	9789835204739
59	Cukupkah wang anda	9789830974811	82	Perakuan kewangan	9789833282083
60	Ringkasan sahih muslim	9789670482217	83	Keselamatan bangunan dan kawalan kebakaran	9789675457586
61	Bimbingan islam untuk hidup muslim	9789792526028	84	Calculus for science and engineering students	9789832963745
62	Kenali Rasul kita Muhammad s.a.w.	9789673881512	85	Pengurusan kredit pengguna dan perniagaan	9789830681474
63	Indahnya solat berjemaah	9789673881581	86	Ekonomi pengurusan	9789830682150
64	Ensiklopedia akhlak Muhammad s.a.w.	9789793855639	87	Ensiklopedia sejarah Muhammad SAW : kelahiran bermula	9789673660162
65	Saya tunggu awak	9789830974453	88	Ensiklopedia sejarah Muhammad SAW: gemilang sebuah empayar	9789673660179
66	Cinta high class & cintaku kerana agamamu	9789830973616	89	Ensiklopedia sejarah Muhammad SAW : wafatnya Rasul terakhir	9789673660186
67	Sifat bahan plastic	9789675415272	90	Rahsia kematian, alam akhirat & kiamat	9789799533296
68	Chess for advanced players and beyond	9789832963356	91	Wanita dambaan syurga	9789671177006
69	Basic electronics components and circuits	9789675415593	92	Sirah Nabawiyah SAW	9789839878455



BIL	JUDUL	ISBN
93	Langit Ilahi	9789830973890
94	Aku terima nikahnya	9789830972725
95	Ilmu kehidupan : ringkas tapi signifikan	9789830974460
96	Penenang jiwa	9789670482095
97	Predictable results in npredictable times : sukses setiap saat	9789673690275
98	Great work great career : kerja hebat, kerjaya hebat	9789673690176
99	Kotler on marketing : edisi Bahasa Melayu	9789675226519
100	Misteri mati & alam kubur : mati itu pasti	9789670482354
101	Cinta kerana Allah	9789673880775
102	300 kesalahan & kekeliruan dalam solat	9789670482309
103	R&R di lebuh raya kehidupan	9789830972886
104	Zikir, doa & selawat popular	9789675102066
105	Ke mana wang anda?	9789830972053
106	Tariq : menang ataupun syahid	9789831920572
107	Ali bin Abi Talib : mutiara Ilmu Islam	9789833892303
108	Catatan penglipur Lara : sang majistret	9789830973746
109	Abu Ubaidah : penakluk Parsi	9789675136214
110	Demi masa	9789830971889
111	Bilal Bin Rabah : pengumandang Seruan Langit	9789833892327
112	Umar Bin Abdul Aziz : Bayangan Khalifah Al-Rasyidin	9789833892525

BIL	JUDUL	ISBN
113	Cerita cinta Ahmad Ammar	9789678604307
114	Perang Badar : perangf penentuan	9789833892921
115	Perang Khaibar : penaklukan Kota Khaibar	9789675783777
116	Hamzah Bin BAdul Muttalib : penghulu para syuhada	9789674081003
117	Abdul Rahman bin Auf : berdagang demi akhirat	9789674081430
118	Hulagu Khan : khabar hitam dari Timur	9789833892419
119	Amru Al-As : pembuka Mesir	9789674081140
120	100 jejak peribadi Rasulullah	9789678604116
121	Ada bagus bagusss	9789833494729
122	Seribu wajah Dr.Mahathir	9789676115300
123	Tun razak : Jejak bertapak seorang patriot	9789676107510
124	Sunan : naggroe sang kembara	9789831249284
125	Travelog haji mengusik hati	9789673662432
126	Majalah solusi—46 naskhah	9771985 54003

**RENUNGAN HIKMAH**

“ Peliharalah iman kamu dengan memperbaikkan sedekah, bentenglah hartamu dengan mengeluarkan zakat dan tolaklah gelombang bencana bala dengan sentiasa berdoa kepada Allah.”

Majalah Anis keluaran April 2014



**I
N
F
O
M
E
N
A
R
K**



NEGARA TANPA TENTERA

Peranan pasukan tentera adalah sebagai pelindung dan penjaga sesebuah Negara daripada ancaman musuh. Setiap Negara yang ditubuhkan perlu mempunyai angkatan tenteranya sendiri. Mungkin Nampak pelik jika ada Negara yang lansung tidak mempunyai angkatan tentera. Bagaimana Negara ini mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara mereka? Kebanyakan negara sebegini mengaharapkan bantuan ketenteraan dari negara asing dan walaupun mendadik negara sendiri, mereka perlu mengikut arahan negara yang memberikan bantuan ketenteraan.

Andorra

Negara ini tidak mempunyai pasukan tenteranya sendiri tetapi menandatangani perjanjian dengan Sepanyol dan Perancis untuk bantuan perlindungan ketenteraan. Ia memiliki pasukan tentera sukarela namun jumlah mereka kecil dan hanya berperanan ketika majlis rasmi. Namun, negara ini mempunyai pasukan polis khas untuk menangani isu tebusan dan pengganas.

Costa Rica

Perlembagaan negara ini mengharamkan untuk mempunyai pasukan tentera sejak 1949. Ia hanya mempunyai pasukan keselamatan awam, yang peranannya termasuk penguatkuasaan undang-undang dan keseleman dalam negeri. Atas sebab ini, Costa Rica menjadi ibu pejabat bagi Inter-American Court of Human Rights dan juga Universiti Bangsa-bangsa Bersatu untuk Keamanan.

Grenada

Tidak mempunyai angkatan tentera sendiri sejak serangan yang dipimpin oleh Amerika Syarikat(AS) terhadap negara ini pada 1983. ia hanya memiliki pasukan polis The Grenada yang bertindak mengekal-kan keselamatan dalam negeri. Pertahanan negara ini dibawah tanggungjawab Sistem keselamatan Serantau (RSS), satu badan yang menjaga pertahanan dan keselamatan negara di kawasan Timur Caribbean yang dikawal AS.

Kiribati

Perlembagaan negara ini menetapkan pasukan keselamatan negara hanya lah pasukan polis termasuk unit pengawasan maritime bagi tujuan

FAKTA MENARIK

Coklat boleh meningkatkan daya mengira selain tenaga segera yang diperlukan.

mengawal keselamatan dalam negeri. Unit pengawasan maritime negara ini dilengkapi senjata ringan dan hanya mempunyai satu bot peronda dikenali sebagai Teanoai. Bantuan pertahanan ketenteraan negara ini disediakan oleh Australia dan New Zealand di bawah perjanjian tidak rasmi Antara ketiga-tiga negara.

Liechtenstein

Pasukan tentera negara ini dimansuhkan pada 1868 kerana kos untuk mempunyai pasukan tentera dianggap terlalu mahal. Pasukan tentera hanya dibenarkan sewaktu berlaku perperangan, tetapi keadaan ini tidak pernah berlaku. Bagaimanapun Liechtenstein mengekal-kan pasukan polis dan pasukan khas dilengkapi senjata ringan untuk menjalankan tugas keselamatan dalam negeri.

Nauru

Australia dipertanggungjawabkan untuk menjaga pertahanan Nauru melalui satu perjanjian tidak rasmi Antara kedua-dua negara. Ia bagaimanapun memiliki satu pasukan polis bantuan bagi menjaga keselamatan dalam negeri.

Saint Lucia

Negara ini hanya mempunyai pasukan polis The Royal Saint Lucia yang terdiri daripada dua pasukan separa tenter, unit khas dan unit pengawal pantai. Pasukan the Royal Saint Lucia hanya mempunyai 116 anggota lelaki dan wanita. Bagi pertahanan negara pula, Saint Lucia berada di bawah tanggungjawab RSS.

Kepulauan Solomon

Asalnya mempunyai pasukan tentera namun apabila terjadi konflik perang saudara yang menyebabkan campur tangan Australia, New Zealand dan negara Pasifik lain, pasukan tentera dihapuskan. Ia hanya memiliki pasukan polis yang menjaga daratan dan juga laut membabitkan soal keselamatan dalam negeri.

Tuvalu

Negara ini memang tidak pernah mempunyai pasukan tentera sejak ia dibentuk dan diperakui sebagai sebuah negara. Hanya terdapat satu pasukan polis yang kecil dan unit pengawasan maritime. Sama seperti negara kepulauan lain unit maritimnya hanya mempunyai satu bot rondaan sahaja.

Vatican City

Mengekal-kan Kor Gendarmerie untuk tugas polis. The Swiss Guard pula adalah unit yang dimiliki oleh gereja bukan Vatican City. Ia tidak mempunyai perjanjian pertahanan dengan Itali kerana ia melanggar peraturan berkecuali Vatican tetapi secara tidak rasmi tentera Itali melindungi Vatican City.

Sumber : BH 25/02/2014

Guna Telefon 80 kali sehari!

Kajian dilakukan oleh penyelidik Universiti Bonn Jerman menggunakan peralatan terbaru yang digelar Mental yang berperanan mengira penggunaan telefon pintar—menjawab panggilan, menerima dan menghantar mesej termasuklah permainan Candy Crush. Keputusan berdasarkan data yang belum diterbitkan menunjukkan secara purata seorang individu mengaktifkan telefon mereka lebih 80 kali sehari atau menggunakan bagi setiap 12 minit. Berdasarkan penemuan ini, penyelidik berharap alat ini boleh dijadikan teknologi bersepada dalam merawat kemurungan kerana simptom awal ialah penggunaan telefon yang berkurangan.

FAKTA SAINS & PSIKOLOGI

MENANGIS Adalah BAIK

Untuk

1. Kurangkan Stress
2. Melegakan Perasaan
3. Hilangkan Rasa Marah

SEBAB NYA

Dalam Air Mata itu mengandungi Hormon Prolaktin untuk melawan Stress dan Menurunkan Tekanan Darah serta Denyutan Jantung

Sebenarnya MENANGIS adalah PROSES KEINSAFAN terhadap yang BERIMAN PROSES KEKUFURAN terhadap yang MUNAFIK

Dr.Soul's Quote Collection

Kubis boleh elak penyakit kanser

Kubis mengandungi banyak zat di dalamnya dan baik untuk kesihatan tubuh badan terutama bagi mengelakkan penyakit kanser.

Pelbagai khasiat antikanser yang terkandung dalam sayuran ini iaitu klorofil, vitamin E dan C. Kandungan sulfur di dalam kubis juga membantu membuatkan sisa alkohol dalam darah.

Kubis baik digunakan untuk mengobati penyakit kulit iaitu



dengan mengisar daun kubis kemudian dilumur ke kulit bersmasalah. Bagi perubatan dalaman, kubis boleh mengubati penyakit kanser dengan mengambil pengambilan sayuran ini sama ada dimasak atau dimakan mentah sebagai ulam-ulaman.

Antara manfaat kubis ialah menurunkan risiko gangguan jantung dan angin ahmar, meningkatkan risiko kanser usus besar, penyembuhan bisul dan meningkatkan sistem penceraan. Kubis juga berguna untuk menurunkan kadar kolesterol.

Meningkatkan kadar metaboslime

Makan lebih protein – Badan membakar kalori 2 kali ganda bagi menghadamkan protein berbanding lemak atau karbohidrat. Sumber protein yang sihat adalah daging merah, ayam tanpa kulit, tauhu, kacang, telur dan susu rendah lemak.



INFO

Khasiat bijian

Bijian memiliki khasiat vitamin serta mineral yang cukup tinggi, kacang digunakan masyarakat dunia secara meluas sama ada dalam bidang perubatan, pemakanan dan kecantikan.

Bijian enak ini boleh dimakan mentah atau dipanggang, manakala minyak perahannya digunakan untuk kelazatan masakan, selain dijadikan bahan utama produk penjagaan diri dan alat solek.

Di sini, disenaraikan beberapa khasiat daripada lima jenis kacang yang kaya nutrisi bagi aspek kesihatan dan kecantikan diri.

1. Badam

- mengurangkan paras kolesterol, risiko darah tinggi dan serangan jantung,



- menghalang batu karang dan kanser, mengelakkan osteoporosis serta menghindari anemia
- sumber Vitamin E untuk kecantikan kulit dan rambut
- mengatasi masalah kesihatan tubuh, termasuk menurunkan risiko obesiti, mengelakkan sembelit, mati pucuk, sakit otot,

bagus untuk wanita hamil dan menambah tenaga

2. Gajus

- sumber antioksidan dan kandungan zink dimilikinya berperanan memelihara ketahanan diri terhadap penyakit
- membantu urat darah, tulang dan sendi menjadi lebih fleksibel, menggalakkan kesihatan jantung, membantu fungsi otak, menjaga kesihatan mata, selain mengelakkan risiko lesu, murung serta gangguan neurologi
- kandungan kimia di dalamnya berpotensi membunuh bakteria yang

menyebabkan kerosakan gigi

3. Kacang tanah

- membantu menstabilkan gula dalam darah, meningkatkan kesuburan, mengelakkan kemurungan, menguatkan memori, mengurangkan kolesterol serta melindungi penurunan ketahanan badan dan jantung
- perlindungan terhadap kanser

● menggalakkan penurunan berat badan

4. Kacang hijau

- menurunkan kadar kolesterol dan tekanan darah
- menjaga kesihatan tubuh, kulit dan rambut
- mencegah kanser payudara

5. Kacang kuda

- sumber terbaik untuk fiber, folat, karbohidrat, protein dan zink
- membantu mengekalkan tahap kesihatan organ seperti jantung, pankreas dan usus kecil
- menyimbangkkan sistem hormon tubuh

PERPUSTAKAAN

POLITEKNIK PREMIER SULTAN
SALAHUDDIN ABDUL AZIZ
SHAH
Persiaran Usahawan,
Seksyen U1,
40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

No. Tel: 03-51634000
Talian Terus:
03-51634079/80/81
No Faks:
03-55691903

Portal ILMU :
<http://polpsalib:8080>
Email:
pustaka@psa.edu.my

POLITEKNIK PREMIER
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
PENGARAH
TUAN HJ KAMARUZAMAN BIN ISMAIL
AMK
PENASIHAT PERPUSTAKAAN
TUAN HJ MOHD SHARONI ISMAIL

PUSTAKAWAN (S44)
PUAN SITI FATIMAH BINTI WAHAB
PUSTAKAWAN (S41)
PUAN NORHAYATI BINTI MAJID
PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN (S27)
CIK NURUL FARHAH BINTI DALAILL

PEMBANTU PERPUSTAKAAN (S17)
PUAN NOR PARASILA BINTI AHMAD KAMALI
PUAN NORLINA BINTI AHMAD
CIK ASYURA BINTI AMINORDIN
PUAN NURZULIANA BINTI DELLNOOR
PUAN AZLEENA BINTI BASIRON

PEMBANTU OPERASI (N11)
(KOSONG)

OPERASI PERKHIDMATAN SEMASA SEMESTER :

ISNIN - KHAMIS
8.30 PAGI - 6.00 PETANG
JUMAAT
8.30 PAGI - 6.00 PETANG

CUTI SEMESTER :

WAKTU PEJABAT SAHAJA

ISNIN-KHAMIS :
8.30 PAGI - 1.00 TENGAHARI
2.00 PETANG - 5.00 PETANG
JUMAAT:
8.30 PAGI-12.15 TENGAHARI
2.45 PETANG - 5.00PETANG

TUTUP:

SABTU & AHAD SERTA CUTI UMUM



**Perpustakaan Politeknik Sultan
Salahuddin Abdul Aziz Shah - PSA**

SUMBANGAN BAHAN BACAAN

Pihak perpustakaan mengalur-alukan kepada mana-mana staf yang ingin menyumbangkan koleksi bahan kepada pihak perpustakaan. Sumbangan boleh ditujukan terus kepada Pustakawan, Pn Siti Fatimah Wahab. Sumbangan ini akan dikategorikan sebagai hadiah kepada perpustakaan PSA.

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA